

Dr. Mahathir dicalon Yang Dipertua baru Perkim

UM - 8/11/2005

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dicalonkan sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) yang baru bagi menggantikan Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pencalonan Dr. Mahathir itu dibuat selepas Abdul Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak menyatakan hasrat

untuk melepaskan jawatan yang disandangnya sejak 1989 pada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Perkim, 2 April lalu.

Abdul Taib memberikan alasan kesibukannya untuk menghadapi pilihan raya Sarawak sebagai salah satu faktor beliau ingin melepaskan jawatan.

Jawatan Yang Dipertua sebelum ini dipegang oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra sejak 1974 sehingga 1989.

Ketika mengesahkan perkara ini, Setiausaha Kehormat Perkim Melaka, Datuk Abdul Wahab Jalil berkata, setakat ini enam Perkim bahagian menyatakan sokongan untuk memilih Dr. Mahathir bagi menerajui badan dakwah tersebut iaitu Melaka, Perlis, Selangor, Kelantan, Johor dan Terengganu.

Abdul Wahab berkata, keputusan muktamad mengenai pelepasan jawatan Abdul Taib akan diketahui selepas ahli-ahli majlis bermesyuarat bulan ini.

"Pada April lalu, beliau (Abdul Taib) meminta supaya seorang calon dinamakan sebagai penggantinya dalam tempoh enam bulan daripada tarikh pengumuman yang dibuat.

"Berikutan itu bahagian Melaka menamakan Dr. Mahathir berdasarkan kewibawaan, kelayakan dan pengalaman.

"Kami juga meminta satu mesyuarat agung luar biasa (EGM) diadakan bagi membincangkan perkara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, pihak pengurusan Perkim sepatutnya menyelesaikan perkara itu mengikut saluran perlembagaan selepas pengumuman dibuat bagi menyelesaikannya.

Difahamkan Dr. Mahathir telah menyatakan kesediaannya untuk menerajui badan tersebut asalkan pemilihannya dipersetujui semua 13 Perkim bahagian.

Abdul Wahab memberitahu, setakat ini Dr. Mahathir merupakan calon tunggal yang dinamakan untuk menerajui Perkim.

Matlamat penubuhan Perkim ialah melaksanakan kerja-kerja kebajikan dengan tumpuan diberikan kepada saudara baru untuk membimbing mereka mendalami ajaran Islam.



DR. MAHATHIR